

**KENYATAAN YANG DIPERTUA**  
**MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI**  
**MESYUARAT MAJLIS PENUH**  
**29 OGOS 2013**

---

**1. TARIKH AKHIR BAYARAN CUKAI TAKSIRAN DAN  
PENGENAAN NOTIS E CUKAI TAKSIRAN UNTUK PENGGAL  
KEDUA 2013**

Adalah dimaklumkan bahawa tarikh akhir bagi menjelaskan cukai taksiran penggal kedua 2013 adalah selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2013. Bil setengah tahun kedua 2013 telah mula dihantar kepada pemilik premis mulai 15 Jun 2013.

Selepas dari tempoh tersebut, MPSP akan mengenakan caj Notis E sebanyak RM10.00 bermula 1 September 2013 ke atas pembayar cukai yang masih gagal menjelaskan cukai taksiran dalam tempoh yang telah ditetapkan. Pemilik harta diminta menjelaskan tunggakan segera bagi mengelakkan harta dari disita.

## **2. LANJUTAN OPERASI KAUNTER BERPUSAT PADA 30 OGOS 2013 ( JUMAAT) SEHINGGA JAM 8:30 MALAM**

Dimaklumkan bahawa Bahagian Kaunter Berpusat, Jabatan Khidmat Pengurusan akan melanjutkan waktu operasi perkhidmatan kaunter sehingga jam 8.30 malam pada 30 Ogos 2013 (Jumaat). Tujuan lanjutan tempoh operasi perkhidmatan ini adalah untuk memberi kemudahan kepada para pelanggan dan *stakeholders* membuat bayaran cukai taksiran setengah tahun kedua 2013 untuk semua jenis pegangan harta berkadar di seluruh Seberang Perai. Selain itu juga, penerimaan dan pemprosesan lain-lain perkhidmatan MPSP turut disediakan sepanjang lanjutan tempoh operasi.

## **3. PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG KECIL PEMUNGUTAN, PEMBUANGAN DAN PELUPUSAN SAMPAH SARAP (MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI) 1994. – SEK 3 (1) : TONG SAMPAH SARAP ISI RUMAH HENDAKLAH DISEDIAKAN DAN DISENGGARAKAN**

MPSP telah mengadakan majlis dialog bersama warga Seberang Perai sempena Perayaan Hari Majlis ke 39 pada 06.07.2013 yang lalu. Hasil daripada maklumbalas, 41 % berkehendakkan aspek kebersihan diberi keutamaan.

Bagi menjadikan Seberang Perai bersih seiring dengan bandar-bandar lain, pihak MPSP telah mengorak langkah bagi merealisasikan impian tersebut dengan pembelian kenderaan pembersihan seperti lori sampah (kompaktor), lori terbuka, lori RORO, Road Sweeper dan lori tangki serta peralatan lain seperti mesin rumput dan perkakasan pembersihan. Bagi melengkapkan proses kerja pembersihan, MPSP juga telah mengambil tenaga kerja baru mulai Oktober 2012 sehingga Disember 2012 dan akan ditambah lagi mengikut keperluan dari masa ke semasa.

MPSP juga perlu bergerak seiring dengan masyarakat agar penjagaan kebersihan menjadi tanggungjawap bersama. Sehubungan itu, pelbagai program telah diaturkan melalui program Local Action 21 seperti program kitar semula, pengkomposan, mud ball, sekolah hijau dan lain-lain yang akan membawa kepada persekitaran bersih.

Dalam melaksanakan kerja-kerja kutipan sampah, MPSP juga menghadapi masalah di mana sebilangan premis kediaman atau perniagaan gagal menyediakan kemudahan tong sampah secara

individu. Kegagalan ini menyebabkan mereka meletakkan bungkusan sampah di sesuatu lokasi yang tidak sesuai dan mengundang kehadiran binatang seperti anjing, kucing yang akan menyelongkar serta menyelerakkan sisa berkenaan. Keadaan ini akan menyebabkan sisa akan bertaburan dan menghasilkan bau kepada kawasan sekitar dan pihak MPSP terpaksa melaksanakan kerja berulang bagi membersihkan persekitaran tersebut.

Bagi memastikan semua premis mempunyai tong sampah, MPSP akan menjalankan aktiviti penguatkuasaan di bawah Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (Majlis Perbandaran Seberang Perai) 1994. Pada peringkat awal, notis 14 hari akan dikeluarkan kepada pemilik premis yang gagal menyediakan tong sampah individu dan sekiranya pemilik premis gagal mematuhi notis tersebut, tindakan mengkompaun akan diambil dan jika didapati gagal untuk menjelaskan bayaran kompaun, maka tindakan mahkamah akan diambil terhadap pemilik-pemilik premis yang gagal mematuhi arahan notis yang diberikan.

Penghuni setiap premis diberi tempoh selama sebulan untuk menyediakan tong sampah bertutup dan tindakan penguatkuasaan bagi mengkompauan kesalahan tersebut akan dibuat **mula** **01.10.2013.** Oleh itu, MPSP mengalu-alukan pemilik premis melaksanakan program ‘Zero Waste’ untuk mengurangkan penjanaan sampah.

#### **4. SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN YANG KE-56**

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan yang ke-56 pada 31 Ogos 2013 (Sabtu). Sempena dengan sambutan kali ini, Perarakan Hari Kemerdekaan akan diadakan di Dataran Pemuda Merdeka, Jalan Bagan Luar, Butterworth. Perarakan akan bermula jam 7.30 pagi. Orang ramai dijemput hadir bersama-sama untuk menyaksikan perarakan dan memeriahkan lagi sambutan Hari Kemerdekaan pada tahun ini. Bersama-sama lah kita menjaga dan menghargai keamanan, keharmonian dan kebebasan yang kita kecapi sekarang.

#### **5. SELAMAT MENYAMBUT HARI MALAYSIA**

Dimaklumkan juga pada 16 September 2013 ( Isnin) merupakan Hari Malaysia bagi memperingati pembentukan Malaysia pada 16 September 1963 yang juga merupakan Hari Kelepasan Am.

## **6. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Dimaklumkan bahawa Program Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan di Taman Tunku pada hari Ahad 1 September 2013. Manakala Program Senamrobik di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan akan diadakan pada 15 September 2013 (Ahad) dan pada 16 September 2013 ( Isnin), Senamrobik Bersama MPSP juga akan diadakan di Taman Berjaya Nibong Tebal. Sehubungan dengan itu, tuan-tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti sihat kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**